



MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI

Jalan Padang

81900 Kota Tinggi

Tel.:07-8831004/8834558/8831129/8834559 Fax:07-8834015

Laman Web : www.mdkt.gov.my

IKLAN JAWATAN KOSONG

1. PENOLONG JURUTERA GRED JA29

1. (a) **Klasifikasi Perkhidmatan** : PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN
(b) **Kumpulan Perkhidmatan** : PELAKSANA (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)
(c) **Taraf Jawatan** : TETAP
2. **GRED/JADUAL GAJI** : JA29

Gaji Minima - Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,549.00 - RM5,701.00	RM145.00

3. SYARAT LANTIKAN :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29 : RM1,549.00)

- (ii) Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang di iktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29 : RM1,935.02): **dan**

- (d) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN :

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penguasa Bekalan Air, Pembantu Kemahiran, Pemeriksa Kereta Motor Gred AB19, AB22 dan AB26, Penjana Jentera Elektrik dan Merinyu Tali Air adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Jurutera Gred JA29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) (i) Mempunyai kelayakan di perenggan 3(c) di atas; **atau**
(ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan

- (b) Had umur pelantikan :

- (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan pada 55 tahun; atau

- (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang berumur persaraan paksa 58 tahun; atau
- (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun

5. **PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN**

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Penolong Jurutera, Gred JA29 adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 15 MAC 2018 (KHAMIS)

CARA MEMOHON

- (a) Permohonan hendaklah menggunakan boring yang boleh didapati di pejabat Majlis Daerah Kota Tinggi pada waktu pejabat dengan dikenakan bayaran RM1.00 atau boleh dimuat turun melalui laman web www.mdkt.gov.my dan bayaran boring permohonan hendaklah dibuat menggunakan kiriman wang pos.
- (b) Borang permohonan mestilah disertakan dengan salinan kad pengenalan, sijil kelahiran dan sijil-sijil persekolahan, kelulusan akademik serta sekeping gambar berukuran passport. Semua dokumen hendaklah di **SAHKAN** daripada salinan asal.
- (c) Permohonan dari pegawai-pegawai sedang berkhidmat hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya dan dimaklumkan kepada Ketua Jabatan dan Suruhanjaya boleh mendapatkan ulasan daripada Ketua Jabatan jika diperlukan mengikut Perintah Am Bahagian III, Bil.18
- (d) Borang-borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan dihantar kepada :-

**Yang Dipertua
Majlis Daerah Kota Tinggi
Jalan Padang
81900 Kota Tinggi**
- (e) **BORANG PERMOHONAN YANG TIDAK LEGKAP AKAN DITOLAK.**
- (f) Hanya calon yang layak selepas ditapis sahaja akan dihubungi untuk sesi temuduga.
- (g) Pemohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

FIZWAN BIN DATO' HJ MOHD RASHIDI

Yang Dipertua
Majlis Daerah Kota Tinggi

Tarikh : 27 Februari 2018